

UNESCO pilih sistem pendidikan Islam Malaysia

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

KEMAMAN 14 April - Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) memilih sistem pendidikan Islam Malaysia yang terbukti berjaya mewujudkan serta mengekalkan keharmonian pelbagai kaum dan agama untuk digunakan di Afghanistan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kurikulum dan buku teks mata pelajaran Agama Islam akan digunakan untuk membangunkan sistem pendidikan di negara yang telah musnah akibat perang itu.

"Saya terkejut semasa di Geneva baru-baru ini apabila diberitahu bahawa UNESCO

sedang meneliti sistem pendidikan Afghanistan dan kurikulum serta buku teks agama Islam kita digunakan untuk tujuan itu kerana sistem kita mempunyai kekuatan.

"Tidak hairan kerana selama 50 tahun merdeka, Malaysia berjaya mengekalkan keharmonian negara yang terdiri daripada penduduk pelbagai agama dan bangsa tanpa sebarang perselisihan faham yang besar seperti di negara-negara lain," katanya selepas merasmikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Geliga, di sini hari ini.

Berikutan pengiktirafan badan dunia itu, Hishammuddin berkata, kementerian berhasrat menjadikan sistem pendidikan negara sebagai satu produk bermutu untuk diketengahkan kepada dunia.

UM - 15/4/2007

Menurutnya, rakyat negara ini tidak menyedari tentang keunggulan sistem pendidikan sendiri dan ingin belajar dari sistem pendidikan luar sedangkan perkara sebaliknya berlaku.

"Sebenarnya mereka yang ingin belajar dari kita dan yang penting sekarang ialah kita hendak buktikan bahawa sistem pendidikan Islam kita berjaya serta tidak melahirkan pengganas.

"Sudah sampai masanya rakyat membuka mata dan bersikap lebih menghargai sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan yang telah berjaya melahirkan modal insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani," ujarnya.

Dalam pada itu, Hishammuddin memberitahu, beliau akan berjumpa dengan

Menteri Pendidikan Thailand akhir bulan ini untuk memperincikan bentuk bantuan yang boleh diberikan Malaysia dalam menyediakan kurikulum bagi sekolah-sekolah agama di selatan Thailand.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau mahu kesemua 20 sekolah di kawasan Parlimen Kemaman dilengkapi dengan pusat akses komputer menjelang hujung tahun ini.

"Kemaman dipilih sebagai salah satu kawasan contoh untuk program membastarakan sekolah luar bandar kerana walaupun penduduknya terdiri daripada golongan nelayan, namun mereka menunjukkan semangat dan kerjasama yang tinggi untuk memajukan pendidikan anak-anak," ujarnya.